



## **RUU Antigangguan Seksual diluluskan**

Oleh [Suzalina Halid](#) - Julai 20, 2022 @ 5:38pm  
[suzalina@bh.com.my](mailto:suzalina@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Selepas dirangka sejak lebih 10 tahun lalu, Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual diluluskan di Dewan Rakyat, hari ini.

RUU yang usaha penggubalannya bermula pada 2011 itu diluluskan dengan pindaan selepas lebih 20 pembahasan mengambil bahagian dalam sesi perbahasan sejak semalam.

Melalui RUU ini, ia mengiktiraf gangguan seksual sebagai pencabulan maruah manusia, satu bentuk diskriminasi dan keganasan berdasarkan jantina.

Ia turut mengadakan peruntukan bagi hak tebus rugi bagi mana-mana individu yang diganggu secara seksual melalui penubuhan tribunal bagi antigangguan seksual.

Ketika sesi penggulungan, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun, berkata RUU ini tidak bertujuan menghukum, namun untuk memberi kesedaran pendidikan bahawa gangguan seksual tidak sepatutnya dinormalisasikan.

Beliau berkata, buat permulaan pejabat Tribunal Antigangguan Seksual akan ditubuhkan di Lembah Klang, namun ia boleh bersidang dalam satu atau lebih persidangan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana ditentukan presiden badan itu.

"Oleh itu, forum persidangan ini boleh dilaksanakan di mana-mana tempat mengikut keperluan. Misalnya seperti Tribunal Rayuan Kastam di mana pemfailan kes boleh di buat di Putrajaya, tetapi prosiding boleh dilaksanakan di mana-mana negeri mengikut keperluan."

Beliau berkata, keputusan tebus rugi adalah muktamad dan mengikat semua pihak dan disifatkan sebagai satu perintah mahkamah, namun mana-mana pihak boleh mencabarinya dengan memfailkan permohonan semakan kehakiman sekiranya tidak berpuas hati.

"Mangsa gangguan seksual selalunya mengalami kesan emosi atau trauma akibat gangguan seksual. Justeru, di bawah Fasal 20 RUU ini, tribunal boleh mengarahkan mana-mana pihak sama ada pengadu dan responden untuk menghadiri program seperti kaunseling, khidmat masyarakat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal."

"Selain itu, kementerian turut menyediakan Perkhidmatan Talian Kasih 15999 sebagai platform penghubung antara kumpulan sasar dengan pihak kementerian bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan yang turut merangkumi aspek antara lain kaunseling, perlindungan dan kebajikan termasuk aduan gangguan seksual," katanya.

Dalam sidang medianya pula, Rina berkata beliau berharap Parlimen boleh menunjukkan teladan baik dengan penguatkuasaan RUU ini kelak, berikutan undang-undang ini lahir daripada Parlimen.

Ketika ditanya sama ada beliau mengutuk tindakan Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang menggunakan perkataan tidak senonoh kepada ahli Parlimen wanita DAP, beliau berkata semua pihak seharusnya berpegang kepada prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusahaaan.

Sama ada perbuatan Tajuddin itu perlu dikenakan tindakan, Rina bagaimanapun berkata ia termaktub dalam bidang kuasa Yang Dipertua Dewan Rakyat.